

**MEI 2016**  
**KEMURIDAN: BERBELAS KASIHAN SEPERTI BAPA**  
**MENGHUBUNGKAN TUHAN DAN MANUSIA MELALUI BELAS**  
**KASIHAN.**

**Fokus :** (Semua membaca perlahan-lahan) Yesus, Firman yang telah menjadi daging dan menjadi Manusia dan mengikat manusia kepada Allah. Yesus adalah wajah belas kasihan Bapa, yang mana kita juga merefleksikan wajah belas kasihan Allah.

**Lagu pembukaan: Kasih Yesus lebih dari semua**

Kasih Yesus lebih dari semua  
 Lebih dalam dari lautan  
 Dan lebih lebar dari samudra  
 Kasih Yesus lebih dari semua

Tiada kasih yang lebih suci  
 Tiada kasih lebih sempurna  
 Tiada kasih yang lebih abadi  
 Dari kasih Yesus Tuhan ku

**DOA PEMBUKAAN**

(Jemput salah seorang anggota KED untuk memimpin dalam doa pembukaan atau ada doa yang telah disediakan.)

**LIHAT KEPADA KEHIDUPAN**

Situasi: (Pada perayaan majlis makan malam di kejiranan Taman Brinja, Sarada duduk bersendirian dengan bayi lelakinya, Sunil)

**Sarada:** (Merungut dengan perlahan) Sunil, buah hatiku, Ibu minta maaf kerana tiada siapa pun yang menghirau untuk melihatmu, apatah lagi bertanya mengenaimu.

**Janaki:** Hello Siew Pei, lama tidak bertemu denganmu.

**Siew Pei:** Hi!, Ya, baik juga dapat bersama-sama sekali-sekala.

**Janaki:** Ah, mari sini Jeff, Marie dan Azlina

**Jeff / Marie / Azlina:** Hello kamu berdua. Adakah kamu semuanya ok?

**Marie:** Apa yang wanita itu lakukan di sini? Tidakkah pengurus perayaan ini tahu reputasinya?

**Azlina:** Ya! Dia memalukan masyarakat kita.

**Siew Pei:** Mengapa? Tentang apa pula reputasinya?

**Azlina:** Kamu tidak mahu dilihat dalam lingkungan temannya

**Janaki:** Baiklah, dia agak terkenal (jika kamu mengerti maksud saya). Maksudnya, kamu betul-betul tidak tahu, Siew Pei?

**Siew Pei:** Ayuh, beritahu saya sedikit mengenai Sarada!

**Marie:** Begini...dia adalah seorang ibu yang tidak berkahwin.

**Janaki / Azlina:** Kita semua perlu memberitahunya dengan tegas bahawa dia TIDAK diterima di tengah-tengah kita

**Jeff:** Ayuh, biarkan sahaja perempuan itu! Lagipun dia tidak mengganggu kamu! Ah, saya nampak Lopeses, Raphael dan Rut ke sini.

**Raphael:** Hello semua! Jeff, boleh saya bercakap denganmu? Kamu semua, bolehkah tak kamu berhenti bercakap? Ayuh Jeff.

**Ruth:** Jadi, apa yang berlaku, beritahu saya?

**Siew Pei:** Oh, kami bercakap tentang Sarada yang terkenal di sana dengan anaknya.

**Ruth:** Hmm! Saya fikir akan jumpa dia dan berkata, "Hello!".

**Siew Pei / Janaki/Marie / Azlina:** Itu tidak seharusnya kamu lakukan, kamu tahu!

**Ruth:** Saya akan menjadi hakim ! Hello Sarada! Wah! Anak kecil mu Sunil comel sekali. Berapa umur dia?

**Sarada:** Dia berusia 8 bulan. Terima kasih kerana perasankan kami. Saya telah dilayan seperti orang buangan oleh semua orang. Saya tidak menyalahkan mereka, kerana mereka telah mendengar tentang saya.

**Ruth:** Saya memohon maaf bagi pihak mereka dan ketahuilah bahawa kamu bukan orang buangan kerana kamu juga sama-sama dikasihi oleh Bapa Syurgawi. Beritahu saya, bagaimana kamu menghadapi hidup sebagai ibu tunggal? Saya akan membantu kamu dalam apa jua cara.

**Sarada:** Terima kasih banyak, Ruth. Kamu benar-benar membangkitkan semangat saya

**Ruth:** Sama – sama dan ingat, jika kamu memerlukan seorang pengasuh yang kamu cari. Sekarang saya perlu "bercakap" kepada rakan-rakan saya yang berfikiran negatif itu.

**Ruth:** Kamu semua yang saya kasihi, kamu patut rasa malu dengan apa yang kamu fikirkan dan cara kamu memperlakukan Sarada.

**Janaki:** Apa maksud kamu? Kami tidak pun mendekatinya!

**Marie / Siew Pei:** Betul!

**Azlina:** Dan saya pun tidak pandang ke arahnya.

**Ruth:** Kenapakah kita tidak boleh menerima Sarada sebagai kawan kita yang telah jatuh dalam masa yang sukar? Tidak bolehkah dalam kebaikan hatimu menerima bayi yang tidak bersalah dan bertanya tentang kebajikannya? Tanya diri kamu, jika ini terjadi dalam keluarga kamu atau saudara mara, bagaimana kamu akan merasakan kesakitannya.

**Janaki:** Kamu betul Ruth! Kami - berempat, adalah orang yang tidak berbelas kasihan dalam kelakuan kami.

**Siew Pei / Azlina:** Mari kita pergi ke sana dan menyapa Sarada dan bayinya.

**Marie/ Ruth:** Itulah yang terbaik. Kita ingatlah, bahawa belas kasihan Allah sentiasa menghubungkan kita.

**Renungan :** Apakah yang membantu mereka (Janaki, Azalina, Marie, Siew Pei) menyedari bahawa tindakan mereka terhadap Sarada tidak mempunyai cintakasih?

**SABDA ALLAH: KELUARAN 34:5 -9**

- Kita membaca teks tersebut sebanyak dua atau tiga kali.

- Kita memetik frasa pendek atau perkataan dari teks yang menyentuh perasaan kita dan membacanya dengan suara yang kuat dan jelas sebanyak tiga kali. Baca setiap frasa atau perkataan diselang-selingi saat – saat senyap.
- Kita mengambil masa dua minit untuk mendengarkan pesanan Tuhan.
- Kongsi dalam kumpulan kecil, perkataan atau frasa yang menyentuh kita.
- Selepas perkongsian, kita hening seketika dan sama –sama memilih perkataan atau frasa yang singkat dari teks Alkitab, pesanan atau mesej Tuhan kepada kita. (“ Sabda kehidupan” untuk kumpulan kecil)
- Kita kongsi “ Sabda kehidupan “ dalam kumpulan besar.

### **HIDUP DALAM KERAHIMAN:**

(Fasilitator akan merangkumkan “Lihat pada kehidupan” dan “Sabda Allah” dan menghubungkannya)

- Bincangkan: Apakah yang Yesus mahu kita lakukan untuk membantu mereka yang diabaikan oleh orang lain?
- Buat keputusan untuk melakukan satu tindakan belas kasih yang konkrit sama ada secara peribadi atau sebagai satu komuniti.

### **LAGU PENUTUP: ALLAH PEDULI**

*Banyak perkara yang tak dapat ku mengerti*

*Mengapakah harus terjadi*

*Di dalam kehidupan ini*

*Satu perkara yang ku simpan dalam hati*

*Tiada sesuatu kan terjadi tanpa Allah peduli*

*Cho : Allah mengerti, Allah peduli*

*Segala persoalan yang engkau alami*

*Tak akan pernah di biarkannya*

*Ku bergumul sendiri*

*Tanpa Allah peduli*

### **Kata – kata kehidupan**

Seperti yang kita ketahui di dalam Kitab Suci, belas kasihan adalah perkataan utama yang menunjukkan tindakan kasih Tuhan kepada kita. ... Secara semulajadinya, ia menunjukkan sesuatu yang konkrit: niat, sikap dan tingkah laku yang ditunjukkan dalam kehidupan harian. Rahmat kerahiman Allah adalah keprihatinan kasih-Nya untuk setiap orang . ... Ini adalah perjalanan cinta belas kasihan Kristiani yang mesti dijalani. ... Sama seperti Dia yang berbelas kasihan, kita juga dipanggil untuk berbelas kasihan antara satu sama lain. (Misericordiae Vultus, No. 9)